

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

17 JANUARI 2021  
AHAD



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

METRO AHAD

SEORANG MAUT, DUA PARAH KILANG KIMIA MELETUP

2



# METRO AHAD

METRO - AHAD

17/1/2021 11:52:20

## Seorang maut, dua parah kilang kimia meletup

**Johor Bahru:** Seorang maut dan dua parah dalam kejadian letupan di sebuah kilang kimia di Jalan Tengar, Tanjung Langsat, Pasir Gudang, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 2.20 petang itu, Wilson Banggau, 45, disahkan maut

manakala dua rakan sekeryanya, Bonsi Buli, 42, dan Mohd Syafiq Abd Rahman, 23, parah.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pasir Gudang, Ibrahim Omar berkata, empat jentera termasuk dari BBP Larkin dan se-

buah tangki air dengan 27 anggota dikeharkan ke lokasi kejadian selepas mendapat panggilan kecemasan.

Katanya, setibanya di lokasi pihaknya mendapati berlaku satu letupan pada sebuah tangki setinggi 15 meter ketika kerja kimpalan

dijalankan.

"Tangki berkenaan menyimpan bahan Crude Glycerin yang boleh menyimpan kapasiti penuh sebanyak 1,000 tan.

"Namun ketika letupan berlaku kapasiti tangki itu adalah sebanyak hanya 800

tan.

"Semua mangsa sedang menjalankan kerja kimpalan pada penutup paip sebelum letupan itu berlaku. Mangsa yang disahkan terburuh pasukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut manakala dua lagi yang cedar parah dikeharkan ke Hospital Sultan Ismail (HSI) Johor Bahru," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ibrahim berkata, pihaknya sedang menyiasat peristiwa sebenar kejadian.

